



# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Syawal / Zulkaedah 1439

Julai / Ogos 2018

**Bil: 05 / 2018**

<<Fokus Keluaran ini>> <<Fokus Keluaran ini>>

“Ikhtilat: Konsep dan Sejarahnya Menurut Islam”

“Program Ramah Mesra”

“Program Plus Tahfiz”

“Siri Kesedaran Undang-undang”

“Bengkel PPACISNS”

“Majlis Hari Raya Aidilfitri peringkat ACIS N. Sembilan”



#### SIDANG REDAKSI

##### Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed  
(Rektor)

##### Penasihat:

Hisam Satari

(Ketua Pusat Pengajian Acis )

##### Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

##### Sidang Pengarang:

Dr. Nor Fadzlina Nawi  
Nuruul Hidayah Mansur  
Mu'allim Mohd Bakri

##### PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1,  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk  
menghantar sebarang artikel  
atau komen, boleh email ke  
[bulletin.acis.n9@gmail.com](mailto:bulletin.acis.n9@gmail.com)  
[muallim@ns.uitm.edu.my](mailto:muallim@ns.uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri kesepuluh atau siri kelima yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah ***"Ikhtilat: Konsep dan Sejarahnya Menurut Islam"***. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

## Isi Kandungan

- ⇒ Ikhtilat: Konsep dan Sejarahnya Menurut Islam ( 3 )
- ⇒ Program Ramah Mesra bersama Pelajar Diploma Penggurusan Halal ( 8 )
- ⇒ Siri Kesedaran Undang-Undang ( 10 )
- ⇒ Program Penyerahan al-Quran untuk Pelajar Plus Tahfiz ( 13 )
- ⇒ Bengkel PPACISNS dan Sambutan Hari Raya (15 )

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali

# Ikhtilat: Konsep dan Sejarahnya Menurut Islam

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



## Konsep Ikhtilat

Di dalam zaman yang penuh mencabar ini, pergaulan antara wanita dan lelaki hampir tiada batasnya. Islam, sebagai agama fitrah yang suci terbina atas asas aqidah dan keimanan kepada Allah sangat mengambil berat setiap sudut kehidupan manusia. Lantaran itu, Islam telah meletakkan beberapa peraturan dan dasar dalam pergaulan serta percampuran sesama manusia. Perkara ini termasuklah pergaulan di antara golongan lelaki dan wanita. Dasar ini perlu, memandangkan fitrah manusia yang hidup saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Apabila mereka memerlukan antara satu sama lain, lantas mereka tidak akan dapat lari daripada pergaulan antara berlainan jantina. Oleh yang demikian, satu dasar atau undang-undang perlu diadakan agar pergaulan mereka yang berlainan jantina dapat di bataskan.

Sesungguhnya, percampuran lelaki dan wanita ini lebih dikenali sebagai "الاختلاط". Menurut al-Mu'jam al-Islami sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab karangan al-Doktor Yusuf al-Qardawi "Fatawa Mu'asarah" bahawa perkataan ikhtilat adalah merupakan terjemah daripada perkataan ajnabi yang membawa maksud pertemuan, perjumpaan atau penyertaan. Sesungguhnya perkataan ikhtilat ini tidak di kenali pada zaman-zaman dahulu. Bahkan pada zaman dahulu perkataan yang digunakan adalah seperti "مشاركة" ، "مقابلة" dan "لقاء".

Menurut Qamus al-Munjid pula, ikhtilat berasal daripada huruf-huruf "خ" و "ل" و "ط". Perkataan yang terhasil daripada himpunan huruf-huruf ini memberi maksud, bercampur dan bergabung. Menurut mu'jam al-'Arabi al-Asasi pula, perkataan ikhtilat ini merupakan masdar daripada perkataan "خلط" yang memberi maksud

kumpul atau himpun. Contohnya **الخلط** “**التعليم**” memberi maksud perkumpulan atau perhimpunan antara lelaki dan perempuan dalam pembelajaran.

Berdasarkan daripada kesemua takrif lughawi ikhtilat yang boleh didapati melalui kamus-kamus memberi maksud yang hampir sama iaitu, bercampur, berkumpul dan sebagainya yang menunjukkan maksud bercampur. Namun begitu, bolehlah kita simpulkan dari sudut istilahnya bahawa ikhtilat memberi erti percampuran atau pergaulan wanita bersama lelaki pada suatu tempat yang pada kebiasaannya akan membawa kepada saling berjumpa, melihat dan berinteraksi sesama mereka.



Melalui takrif ini, timbul pula persoalan samada ‘ikhtilat’ ini dibolehkan oleh Islam atau tidak? walau apapun hujah-hujah para ulama’, kita harus sedar bahawa Islam tidak pernah memandang rendah pada kaum wanita sehingga terpaksa mengurung kaum wanita di rumah bagi mengelakkan berlaku percampuran dengan lelaki atau masyarakat. Namun begitu, Islam juga tidak pernah membenarkan kaum wanita terlalu bebas bergaul dengan lelaki dan masyarakat tanpa batasnya. Al-Ghazali dalam kitabnya ‘Miah

Su’al ‘an al-Islam’ mencela perbuatan kedua-dua golongan manusia yang mengurung wanita dan terlalu membebaskan wanita seperti bangsa barat. Beliau mengelar golongan yang terlalu membebaskan kaum wanita sebagai golongan yang “yang tidak kenal hormat”. Manakala golongan yang terlalu mengongkong wanita beliau gelar sebagai “tidak berdasarkan akal fikiran”.

Dr. Yusuf al-Qardawi juga ada menjelaskan bahawa Islam pada zaman dahulu tidak pernah membicarakan perihal hukum berkaitan dengan permasalahan ‘ikhtilat’ ini. Tetapi permasalahan ini dilihat berdasarkan kepada tujuan sesuatu ikhtilat itu berlaku iaitu kemaslahatan yang wujud, kemudaratian yang di takuti, dan syarat-syarat yang di tetapkan. Sesungguhnya contoh yang terbaik adalah sebagaimana yang di lakukan oleh Nabi junjungan Muhammad SAW, para Khulafa’ al-Rashidin dan para sahabat Nabi SAW.

## → Sejarah Ikhtilat

Apabila di imbas akan sejarah semasa zaman Nabi Muhammad SAW serta para Sahabat, jelas menunjukkan bahawa wanita pada zaman tersebut tidaklah berada terpenjara dalam rumah dan terasing sebagaimana yang wujud pada zaman kini. Namun begitu, wanita pada zaman Rasulullah juga tidak dibenarkan terlalu bebas seperti budaya hidup masyarakat barat kini. Secara ringkasnya, wanita zaman Rasulullah SAW tidaklah seperti yang digambarkan oleh barat bahawa wanita dilarang bekerja dan tidak boleh keluar dari rumah secara mutlak. Penipuan yang nyata ini hanyalah untuk mengambarkan ketidak adilan Islam dan amalan diskriminasi dalam Islam.

Sesungguhnya, catatan sejarah Islam telah cukup untuk menidakkan tuduhan barat tersebut. Antara catatan sejarah tersebut adalah :

**PERTAMA.** Sesungguhnya golongan wanita juga pergi menunaikan solat fardhu dan solat Jumaat di masjid nabi secara berjamaah terutamanya solat subuh dan isya'. Namun begitu, Rasulullah SAW telah mengalakkan mereka untuk berada di dalam saf yang paling belakang sekali kerana perkara ini lebih baik bagi mereka. Selain daripada ini, terdapat juga riwayat yang menjelaskan bahawa mereka pada mulanya masuk ke masjid melalui manapun pintu yang mereka suka. Perkara ini telah menyebabkan berlaku sesak dan bercampur dengan golongan lelaki. Akhirnya, Rasulullah SAW telah mengkhususkan satu pintu daripada masjid Nabawi untuk golongan wanita yang di gelar sebagai 'Bab al-Nisa". Sebagaimana sabda Nabi SAW :

((قال عليه السلام : لو أنكم جعلتم هذا الباب للنساء ))

Di riwayat juga terdapat di kalangan wanita yang hafaz surah "Qaf" kerana sudah biasa solat jumaat bersama Rasulullah SAW dan mendengar khutbah baginda.

**KEDUA.** Golongan wanita pada zaman Rasulullah SAW juga bersama-sama dengan golongan lelaki menunaikan solat hari raya. Mereka menunaikan solat hari raya tak kira sama ada kecil atau desa di tempat lapang di samping membesarkan Allah dengan bertakbir dan bertahlil. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim :

((عن أم عطية قالت : كنا نزمر بالخروج في العيدين و

Maksudnya : Daripada Ummu 'Attiyyah berkata : Kami di arah untuk keluar pada kedua-dua Hari Raya..

Dan riwayat lain :

((وفي رواية قالت : أمرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم أن نخرجهن في الفطر والأضحى : العوائق والخبيث وذوات الخدور ، فاما الخبيث فيعتزلن الصلاة ، ويشهدن الخير ودعوة المسلمين ، قلت : يا رسول الله احذانا لا يكون لها جلباب ، قال : (لتليسها أختها من جلبابها ))

Maksudnya : Dan dalam Riwayat lain telah berkata Ummu 'Attiyyah : Saya di arah oleh Rasulullah SAW untuk keluar pada hari raya Fitri dan Adha : Hamba, berdarah haid, dan yang balik tabir. Sesungguhnya yang datang haid hendaklah tinggalkan solat dan saksikan sahaja penghabaran dan da'wah kepada umat Islam. Aku berkata : Ya Rasulullah, ada di kalangan kami tak bertudung. Berkata Rasulullah : Pakaikanlah saudara kamu dengan tudungnya.



**KETIGA.** Selain ini juga, golongan wanita pada zaman Rasulullah SAW juga menghadiri majlis-majlis ilmu di anjurkan oleh Nabi SAW seperti golongan lelaki. Bahkan, terdapat di antara mereka yang berani bertanya tentang masalah agama yang berkisar tentang mereka. Sehingga terdapat riwayat yang merangkakan bahawa, Saidatina 'Aisyah memuji seorang wanita Ansar yang sangat cinta kepada ilmu sehingga tiada segan

dan silu bertanya mengenai masalah kewanitaan seperti janabah, mimpi, mandi, haid, istihadah dan lain-lain lagi. Perkara ini tidak terhenti hanya setakat ini sahaja, bahkan mereka telah memohon kepada Rasulullah SAW supaya dikhususkan bagi mereka hari yang khusus agar mereka mendapat lebih banyak peluang dan tidak di monopoli oleh golongan lelaki sahaja.

**KEEMPAT.** Mereka juga terlibat dengan peperangan untuk memberi khidmat kepada tentera Islam seperti rawatan, bantuan kecemasan serta menjaga tentera yang tercedera selain di tugaskan sebagai pembawa minuman. Sebagaimana yang diriwayatkan :

((عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ : (غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، سَبْعَ غَزَوَاتٍ، أَخْفَفَهُمْ فِي رَحْلَاهُمْ، فَأَصْنَعْنَا لَهُمُ الطَّعَامَ وَأَدْوَى الْجَرْحَى، وَأَقْوَمْنَا الْمَرْضَى))

Maksudnya : Daripada Ummu 'Atiyyah berkata : Aku berperang bersama Rasulullah SAW tujuh peperangan. Aku berada di belakang dalam perjalanan. Maka aku memasakkan makanan, memberi ubat pada yang tercedera dan membantu mereka yang sakit.

Begini juga terdapat riwayat yang mengatakan bahawa isteri para sahabat juga terlibat dalam peperangan sebagai tentera sama seperti lelaki mengangkat pedang selepas mendapat keizinan daripada Rasulullah SAW iaitu Ummu Imarah Nusaibah binti Ka'ab dalam peperangan Uhud, sehingga Rasulullah SAW bersabda :

((لِنَقْمَهَا خَيْرٌ مِّنْ مَقْلَمٍ فَلَانْ وَ فَلَانْ))

Maksudnya : Tempatnya lebih baik daripada tempat si lelaki ini dan lelaki ini.

**KELIMA.** Dalam kehidupan bermasyarakat

juga golongan wanita tidak ketinggalan dalam perkara al-Amru bil Ma'ruf wan Nahyu anil Munkar seperti firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 71 :

((وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ....))

Maksudnya : Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh mengerjakan yang makruf, mencegah dari munkar...



**KEENAM.** Bahkan, pada pemerintahan zaman Saidina Umar Radiallu anhu telah satu peristiwa yang masyur. Peristiwa tersebut adalah terdapat seorang wanita yang berani menyanggah pendapat Umar dalam persoalan mahar di dalam masjid sehingga akhirnya Umar R.A menarik balik pandangannya secara terang dan berkata :

((أَصَابَتِ الْمَرْأَةُ وَأَخْطَأَ عَمَرًا))

Maksudnya : Benarlah wanita tersebut dan salahlah Umar.

**KETUJUH.** Saidina Umar juga telah melantik as-Syifa' binti 'Abdullah al-Adawiyyah pada zamannya sebagai pegawai Hisbah bagi pasar peniagaan.

Perkara ikhtilat ini juga bukan sahaja berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Namun begitu, ikhtilat ini

juga pernah berlaku sejak pada zaman Nabi yang terdahulu seperti Nabi Musa 'Alaihi Salam. Seperti mana, baginda telah berjumpa dengan dua orang wanita yang merupakan anak kepada Nabi Syu'aib. Baginda telah membantu wanita tersebut memberi minuman kepada ternakan mereka. Bahkan, anak Nabi Syu'aib ini juga telah menjemput Nabi Musa untuk datang ke rumah mereka bertemu ayah mereka. Kisah ini ada tercatat di dalam al-Quran surah al-Qashah ayat 23-26. Begitu juga kisah Nabi Zakaria dengan Maryam dan juga kisah Raja Saba' yang meminta pendapat rakyatnya tentang Nabi Sulaiman dan perbualannya dengan Nabi Sulaiman yang digambarkan dalam al-Quran.



## → Kesimpulan

Kesimpulan yang boleh dibuat adalah, pertemuan antara lelaki dan wanita adalah diizinkan dan tidaklah haram. Bahkan ianya harus dan di tuntut sekiranya pertemuan tersebut mempunyai tujuan yang baik, mempunyai manfaat, di syariatkan untuk kebaikan, jihad, atau pergaulan tersebut memerlukan pertolongan antara dua gender yang berbeza dalam hal-hal yang dibenarkan Syara'. Daripada beberapa contoh ini juga jelas menunjukkan keterlibatan wanita bersama lelaki dalam aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, percampuran antara lelaki dan wanita yang dibenarkan itu mempunyai syarat-syarat dan garis panduan yang wajar dipatuhi ketika berikhtilat dan dalil-dalil yang berkaitan dengannya. Lantaran itu, perkara

ini akan dijelaskan dalam buletin ACIS keluaran bulan yang akan datang. InsyaAllah..

## → Rujukan

'Ahmad bin cAli bin Hadr al- cAsqalani (2000), Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari, 18 j. c. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al- clmiyyah.

Al-Munjid fi al-Lughah wa al- 'Aclam (1994), Beirut, Lubnan: Dar Mashriq

Anhar Bin Opir (Ust.) (2001), Pembentangan Kertas Kerja Ikhtilat Menurut Islam, Anjuran PMRAM

Ghazali, al-'Imam 'Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al- (1983), al-Ghazali Menjawab 40 Soal Islam Abad 20, Mohammad Tahir dan Abu Laila (terj.), Bandong Indonesia: Penerbit Mizan

Himpunan Pakar Bahasa Arab (1999), al-Mucjam al- cArabi al-'Asasi, Larus

Nawawi, 'Imam Mahyuddin 'Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al-(t.t), Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, 9 j. Mansurah, Misr: Maktabah al-'Iman

Sheikh cAbdu'Llah Basmeih (1985), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri

Yusuf al-Qaradawi (Dr.) (2001), Fatawa Mucasarah, 3 j. c. 9. Kaherah: Dar al-Qalam

# **Program Ramah Mesra Bersama Pelajar Diploma Pengurusan Halal IC120**

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



**UiTM Kampus Kuala Pilah, 21 Julai 2018**

Program Ramah Mesra bersama pelajar Diploma Pengurusan Halal anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Cawangan Negeri Sembilan di adakan adalah sempena menyambut kedatangan pelajar program Diploma Pengurusan Halal (IC120).

Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar dan pensyarah serta menyampaikan maklumat berkaitan perjalanan program pengajian, akademik, Program Plus Tahfiz dan Program Halaqah.

Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr Abdul Halim Ramli (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademi UiTM Cawangan Negeri Sembilan). Program turut dihadiri oleh Ustaz Mohd Yadman Bin Sarwan (Pengerusi Program Plus Tahfiz), 2 orang wakil dari UiTM Shah Alam serta pensyarah-pensyarah ACIS Cawangan Negeri Sembilan.

Seramai 121 orang pelajar telah mendaftar pada kemasukan sesi interim Julai 2018 dalam program Diploma Pengurusan Halal di UiTM Negeri Sembilan. Diploma Pengurusan Halal adalah program yang ditawarkan bertujuan untuk melahirkan

graduan yang berpengetahuan tinggi dalam bidang industri pengurusan Halal.

Melalui program ini, para graduan mempunyai peluang masa depan yang cerah sejajar dengan pertumbuhan pesat bidang industri halal termasuk bidang pemakanan, perkhidmatan berkaitan halal, perhotelan & pelancongan, pengurusan kualiti, farmaseutikal, kosmetik, kewangan, keusahawanan dan yang berkaitan.

Melalui program ini, graduan akan dilengkapi dengan pengetahuan akademik dan kemahiran industri yang tinggi agar dapat menyumbang kepada industri dan negara. Di samping itu, graduan jurusan lepasan program Diploma Pengurusan Halal juga boleh melanjutkan pengajian di UiTM atau Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang lain dalam bidang profesional yang dipilih setelah tamat pengajian.

ACIS Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kelulusan daripada Unit Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, kepada semua jawatankuasa dan peserta yang hadir. Harapan ACIS program sebegini akan diteruskan dalam mengekalkan silaturrahim dalam kalangan pensyarah dan mahasiswa/i Program Diploma Pengurusan Halal.



# Perlindungan Data Peribadi di Malaysia

Oleh : Dr. Nor Fadzilina Nawi  
(Pensyarah Kanan Jabatan Undang-Undang  
UiTM Kampus Seremban)



Data Peribadi di Malaysia dilindungi secara sah melalui pengenalan Akta Perlindungan Data Peribadi (ADPD/PDPA) 2010. ADPD diwartakan untuk berkuatkuasa pada 15 November 2013. Akta ini mengawal selia semua syarikat yang memproses data peribadi dalam urusniaga komersial. Pemakaian akta ini tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Satu agensi khas, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) pada 16 Mei 2011 bagi mengawalselia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh Pengguna Data supaya tidak disalahguna dan disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

ADPD melindungi keselamatan data peribadi pengguna bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia secara transaksi komersial yang termaktub di bawah APDP.

Data peribadi adalah sebarang data yang membolehkan seseorang individu yang masih hidup dikenalpasti (Any data which can identify a person) dan dilindungi di bawah ADPD. ADPD membahagikan data peribadi kepada dua kategori; data peribadi dan data peribadi sensitif. Beberapa contoh data boleh dianggap sebagai data peribadi adalah:

- ⇒ Nama dan alamat
- ⇒ Nombor kad pengenalan/pasport
- ⇒ Alamat e-mel
- ⇒ No telefon
- ⇒ Tarikh lahir
- ⇒ Gambar
- ⇒ Imej dalam rakaman litar tertutup (CCTV)
- ⇒ Maklumat dalam fail peribadi

Manakala, data peribadi sensitif pula adalah sebarang maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang



individu, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya dan kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya. Selain itu, perlakuan atau pernyataan perlakuan apa-apa kesalahan seseorang individu juga adalah data peribadi sensitif.



ADPD menegaskan bahawanya semua data peribadi mesti diproses sesuai dengan prinsip yang ditetapkan dalam ADPD. Walau bagaimanapun, data peribadi yang sensitif hanya boleh diproses jika persetujuan persetujuan secara nyata dari subjek data telah diberikan.

Di dalam ADPD, "Pemprosesan" data peribadi bermaksud melakukan sesuatu terhadap data termasuklah mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menyusun, mengubah, menzahirkan dan memusnahkan. Hanya dengan membaca atau mengakses maklumat sudah dianggap "pemprosesan".

Contoh-contoh aktiviti yang boleh dianggap sebagai "pemprosesan" termasuklah:

- ⇒ Mengumpul data menggunakan borang, melalui telefon atau melalui laman sesawang
- ⇒ Menerbitkan data
- ⇒ Menjual data
- ⇒ Menggunakan data dalam pentadbiran
- ⇒ Menggunakan data untuk tujuan pemasaran
- ⇒ Merekodkan data

- ⇒ Mendedahkan atau memberikan data kepada organisasi lain
- ⇒ Memusnahkan data

ADPD mengandungi tujuh prinsip amalan pengendalian maklumat yang mesti dipatuhi di dalam "pemprosesan" data peribadi.

#### *1. Prinsip Am*

Pengguna data tidak boleh - dalam hal data peribadi selain daripada data peribadi yang sensitif, memproses data peribadi tentang subjek data kecuali subjek data telah memberikan persetujuannya terhadap pemprosesan data peribadi; atau dalam kes data peribadi yang sensitif, memproses data peribadi sensitif mengenai subjek data, kecuali dengan persetujuan yang nyata.

#### *2. Prinsip Notis & Pilihan*

Orang yang datanya hendak diproses mesti memberi persetujuan. Orang tersebut mesti dimaklumkan bahawa data peribadinya akan diproses dan cara pemprosesannya. Dia juga mesti diberi pilihan untuk menghadkan hak untuk memproses data peribadinya.

#### *3. Prinsip Penzahiran*

Tiada pendedahan data peribadi dibenarkan tanpa persetujuan subjek data, untuk apa-apa tujuan selain daripada maksud yang telah dinyatakan pada masa pengumpulan data tersebut



#### *4. Prinsip Keselamatan*

Syarikat mesti mempunyai langkah dan prosedur yang mencukupi untuk

melindungi data peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan, pengubahan atau pemusnahan.

#### 5. Prinsip Penyimpanan

Adalah menjadi kewajipan pengguna data untuk mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnahkan atau dihapuskan secara kekal jika tidak lagi diperlukan untuk tujuan yang mana diproses.

#### 6. Prinsip Integriti Data

Pengguna data hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemaskinikan dengan mengambil kira tujuan data peribadi tersebut dikumpulkan dan diproses.

#### 7. Prinsip Akses

Mana-mana orang mesti memberikan akses kepada data peribadinya sendiri dan berhak untuk membetulkan apa-apa maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan tenang dirinya.

ADPD memberikan subjek data peribadi hak-hak berikut:

- ⇒ Hak untuk diberitahu samada data mereka diproses oleh sebuah organisasi
- ⇒ Hak untuk mengakses data peribadi
- ⇒ Hak untuk membetulkan data peribadi
- ⇒ Hak untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi
- ⇒ Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau tekanan (distress)
- ⇒ Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung

Individu yang merasakan bahawa data peribadi mereka telah diproses melanggar peruntukan mana-mana peruntukan Akta boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Kesalahan pengutipan dan pemprosesan data yang menyalahi undang-undang boleh, apabila disabitkan, didenda sehingga RM500,000 atau dipenjarakan sehingga 3 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya syarikat didapati bertanggungjawab, pengarah, ketua pegawai eksekutif, COO, pengurus, setiausaha atau pegawai yang serupa boleh dipertanggungjawabkan secara peribadi atas kesalahan tersebut.



# **Majlis Penyerahan Al-Quran Kepada Peserta Program Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan**

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



**UiTM Kampus Kuala Pilah, 8 Ogos 2018** Program Plus Tahfiz  
UiTM adalah program laluan khas kepada pelajar lepasan pengajian tahfiz di seluruh negara untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di UiTM dan buat jurnal kalinya. UiTM telah membuka peluang kepada para lepasan tahfiz yang mendaftar sebagai mahasiswa/i di UiTM untuk menyertai program Plus Tahfiz UiTM. Usaha ini adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz untuk me-tahirkan golongan huffaz profesional yang mampu menguasai pelbagai disiplin ilmu sekaligus melengkapkan sebahagian sasaran Program Transformasi Nasional 2050 (TN50). UiTM Cawangan Negeri Sembilan turut menyahut baik idea tersebut dalam merealisasikan visi dan misi program tersebut.

Seramai 53 orang mahasiswa/i UiTM Negeri Sembilan telah menyertai program Plus Tahfiz bagi kemasukan baru sesi interim Julai 2018. Bilangan peserta yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa ini memberi gambaran bahawa program ini amat di sambut baik oleh para mahasiswa di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Pada 8 Ogos 2018, ACIS Negeri Sembilan mengambil inisiatif untuk mengadakan satu program "Majlis Penyerahan al-Quran kepada peserta Program Plus Tahfiz UiTM Negeri Sembilan"





sebagai simbolik bermulanya pelaksanaan Program Plus Tahfiz di UiTM Negeri Sembilan di samping bertujuan untuk sesi perkenalan dan merapatkan ukhwah dalam kalangan peserta program.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zulhilmi Bin Mohd Yunus, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program turut dihadiri Ketua Pusat Pengajian ACIS, Ketua Pusat Pengajian Biologi, Koordinator ACIS, Pensyarah ACIS dan Penolong Pegawai Hal

Ehwal Islam (Imam) UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

ACIS Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kelulusan yang diberikan daripada Unit



Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, kepada semua jawatankuasa yang terlibat, pensyarah tasmik dan para peserta Plus Tahfiz yang hadir. Harapan ACIS program sebegini akan diteruskan dalam lagi di masa akan datang.



# Bengkel Pelan Pembangunan ACIS dan Majlis Hari Raya ACIS N. Sembilan

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri  
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM  
Kampus Seremban)



**UiTM Kampus Seremban, 6 Julai 2018**

Bengkel Pelan Pembangunan ACIS Cawangan Negeri Sembilan dan Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri telah diadakan. Bengkel PPACIS ini merupakan siri kedua rentetan bengkel PPACIS yang telah diadakan di ILD FAMA Port Dickson pada Februari yang lalu. Memandangkan tarikh ini masih berada di dalam Bulan Syawal, maka ACIS mengadakan majlis sambutan Aidilfitri kecil-kecilan yang melibatkan hanya staf ACIS dan UHEI sahaja kerana kesibukan dengan musim peperiksaan.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyusun dan merancang aktiviti-aktiviti

ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan sepanjang Tahun 2018-2020. Di samping berbengkel, staf ACIS juga dapat menikmati pelbagai juadah makanan dan minuman yang diadakan secara portluck



oleh staf sendiri. Semoga dengan berjalannya majlis ini ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan diantara keluarga ACIS dan UHEI Kampus Seremban, Kampus Rembau dan Kampus Kuala Pilah.

